

## **PERASMIAN BENGKEL IMPLEMENTASI POLISI HARTA INTELEK UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Bengkel Implementasi Polisi Harta Intelek UMS. Bagi pihak UMS, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) kerana sudi membantu UMS membentuk Polisi Harta Intelek yang hasilnya akan kita lihat sebentar lagi dalam bengkel ini.

### **Matlamat Polisi**

Perlindungan terhadap harta intelek bukanlah satu fenomena baru dalam arena penyelidikan. Malahan, ia amat penting dan kritikal terutamanya dalam penghasilan produk yang boleh dikomersialkan bagi mengelak sebarang bentuk manipulasi atau penindasan terhadap pihak-pihak tertentu. Perlindungan terhadap hak intelek mempunyai skop yang amat luas merangkumi *patent*, reka bentuk industri (*industrial design*), hakcipta (*copyright*), cap dagangan (*trademark*) dan banyak lagi.

Sebagai institusi pengajian tinggi (IPT), penyelidikan dan penerbitan merupakan tunjang atau tunggak utama dalam mendukung misi dan visi universiti ke arah kecemerlangan ilmu. Dalam keghairahan tersebut, para penyelidik kadang kala terleka bahawa setiap hasil penyelidikan perlu diberi perlindungan. Ini bagi mengelakkan hasil penyelidikan tersebut terutamanya hasil penyelidikan atau penerbitan yang boleh dikomersialkan, dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu.

Berdasarkan senario ini, pihak pengurusan universiti telah mengambil langkah untuk menjaga kepentingan hak para penyelidik dan melindungi hasil intelek mereka atau lebih dikenali sebagai Harta Intelek (*Intellectual Property*). Dengan adanya Polisi Harta Intelek UMS ini, maka ia bakal digunakan sebagai garis panduan serta *standard* bagi penyelidik dalam menghasilkan lebih banyak hasil penyelidikan yang mempunyai nilai komersial tinggi pada masa akan datang.

### **Sejarah Kerjasama**

SIRIM Berhad telah dilantik sebagai juruperunding ataupun konsultan universiti ini dalam pembentukan Polisi Harta Intelek UMS. Untuk tujuan ini, beberapa siri pembentangan berhubung polisi berkenaan telah diadakan. Ia melibatkan semua dekan sekolah dan ketua-ketua jabatan di UMS dalam mengenal pasti dan memberikan input terhadap polisi tersebut. Secara ringkasnya, pihak universiti juga mengambil kira pandangan dan input daripada semua pihak terbabit sebelum polisi ini dibentuk. Ini penting memandangkan Polisi Harta Intelek ini bukan hanya digunakan untuk sekolah-sekolah tertentu sahaja, malahan untuk semua pihak di universiti ini.

Dalam proses pembentukan Polisi Harta Intelek UMS, SIRIM Berhad telah memberikan beberapa komitmen awal berhubung polisi ini. Ini termasuklah proses pendaftaran logo UMS sebagai cap dagangan (*trademark*). Selain itu, beberapa hasil penyelidikan telah mendapat khidmat *patent search* daripada pihak SIRIM Berhad, seperti penyelidikan *OPS Mosaic Tiles* hasil kajian Dr. Mohd Abdul Mannan dari Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) dan *Novel Graphic Design From Rock Photomicrograph Images* oleh Prof. Madya Dr. Felix Tongkul dari Sekolah Sains dan Teknologi (SST).

### **Objektif Bengkel**

Bengkel Implementasi Polisi Harta Intelek UMS yang diadakan pada hari ini adalah berasaskan kepada beberapa objektif, iaitu:

- a) untuk memberikan penerangan kepada semua dekan sekolah atau ketua-ketua jabatan dan wakil-wakil sekolah, pusat atau institusi berhubung Implementasi Polisi Harta Intelek UMS.
- b) untuk menerangkan prosedur dan manual yang terkandung di dalam Polisi Harta Intelek UMS sekaligus sebagai persediaan ke arah implementasi polisi tersebut.
- c) untuk memberi pendedahan kepada penyelidik-penyelidik di UMS tentang kepentingan perlindungan harta intelek yang dihasilkan.
- d) untuk menggalakkan pertambahan hasil penyelidikan yang boleh dikomersialkan seterusnya menghasilkan kumpulan penyelidik profesional universiti.

Oleh yang demikian, saya percaya bengkel ini akan menjadi satu titik permulaan ke arah pemantapan kefahaman para peserta bengkel, agar pelaksanaan Polisi Harta Intelek UMS dapat berjalan dengan baik. Insya-Allah.

Selain itu, saya juga ingin merakamkan penghargaan ini kepada pihak Unit Perkhidmatan Rundingan dan Latihan (UPRL) yang telah membantu pihak universiti dalam proses dan pelaksanaan pembentukan Polisi Harta Intelek universiti ini. Saya difahamkan bersempena dengan bengkel ini, pihak UPRL juga mengadakan Minggu UPRL Bersama Pelanggan bermula pada hari ini iaitu 18 April 2002 hingga 24 April 2002. Diharapkan dalam Minggu Bersama Pelanggan ini, UPRL akan dapat mengemaskini dan mengatur segala perancangan dengan baik dan teliti untuk memenuhi kehendak pelanggan khususnya pihak luar.

---

*Ucapan di Perasmian Bengkel Implementasi Polisi Harta Intelek Universiti Malaysia Sabah di Galeri Aras 3, Bangunan Canselori pada 18 April 2002.*